



## "HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي عَادَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ۝</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dikasihi, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai hamba Allah yang terbaik, beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini adalah bertajuk "<b>HAK ASASI MANUSIA DALAM ISLAM</b>".</p>	6
<p>Isu hak asasi manusia masih hangat diperdebatkan di negara ini. Pelbagai pihak telah membicarakannya dalam berbagai medium termasuk di televisyen dan surat khabar bahkan di media-media sosial. Wujud kalangan masyarakat telah menjadikan isu ini sebagai polemik yang boleh menimbulkan pertembungan dalam negara. Perjuangan hak asasi manusia dan kebebasan ini telah menjadi isu hangat kerana salah faham tentang konsep hak asasi menurut Islam.</p>	7



<p>Kita sering mendengar slogan-slogan perjuangan kebebasan diperbesarkan di serata dunia termasuk dinegara kita ini, apatah lagi bila ia digerakkan oleh pertubuhan yang keliru identiti agamanya dan jati diri. Menurut sejarah, gerakan perjuangan hak asasi manusia ini merupakan suatu gerakan yang dibina berdasarkan fahaman liberalisme dan humanisme.</p>	8
<p>Padahal dalam Islam, hak asasi manusia telah wujud lebih lama daripada gerakan ini namun tidak menjadi isu dalam masyarakat. Hak Asasi yang diperjuangkan dalam Islam adalah berpandukan nilai dan panduan Al-Quran. Menurut Islam, hak asasi dan kebebasan ialah suatu manifestasi tentang pembebasan manusia dari pelbagai bentuk ikatan dan pengabdian selain daripada Allah SWT. Allah telah mencipta manusia serta meletakkan mereka pada kedudukan yang tinggi berbanding dengan makhluk yang lain berlandaskan prinsip kemuliaan kemanusiaan (al-karamah al-insaniyyah).</p>	9
<p>Ini sejajar apa yang dijelaskan oleh Allah Taala dalam Al-Quran dalam surah al-Israa' ayat 70 yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:</p> <p><i>“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”</i></p>	10



<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati sekalian.</b></p> <p>Rasulullah SAW diutuskan untuk membebaskan perhambaan manusia kepada mengabdikan Tuhan yang menciptakannya. Konsep kebebasan yang dijelaskan dalam Quran tidak lain mengangkat nilai kemanusiaan sejati. Ini berbeza sekali dengan ukuran hak asasi manusia dari barat yang mana semuanya berpandukan kepada nilai manusia bukan berdasarkan ukuran agama.</p>	11
<p>Kita masih ingat dialog Ruba'i Amir kepada Rustum ketika diutuskan oleh Saad bin Abi Waqas ke Parsi katanya" Rustum bertanya: "Apa maksud kedatangan kamu?". Dengan lantang Ruba'i menjawab: "Allah mengutus kami untuk membebaskan manusia dari penghambaan kepada sesama manusia kepada perhambaan kepada Allah semata-mata".</p>	12
<p>Menurut Dr Wahbah al-Zuhaili, al-karamah al-insaniah atau prinsip menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia adalah sumber kepada hak asasi. Apabila wujudnya penghargaan terhadap al-karamah al-insaniah itu, bermakna adanya tanda keinsanan manusia yang membezakannya dengan haiwan.</p>	13
<p>Apa maknanya, jika sifat dan sikap manusia yang mulia itu tidak dijaga bahkan dirosakkan semata-mata hak asasi manusia. Apalah maknanya jika kehidupan di dunia ini tidak bersumberkan al-Quran dan Sunnah yang akhirnya mengundang kemudaratan hidup di dunia dan akhirat. Bila hidup dipisahkan dengan agama maka terimalah kehancurannya. Rasulullah SAW mengingatkan kita agar merujuk kepada Islam sebagai panduan.</p>	14



<p>Ini sebagaimana ditegaskan daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RadiAllahu Anhu bahawa beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَا نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ فَاجْتَنِبُوهُ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ فَأَتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاخْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ</p>	15
<p><i>“Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka terhadap Nabi-nabi mereka.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	16
<p>Oleh sebab itu, Allah Taala mengangkat darjat manusia sebagai makhluk yang mulia dan diberikan tugas untuk mengabdikan diri kepada Allah dan berperanan sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Islam menekankan soal tugas dan tanggungjawab berbanding soal hak. Islam melihat manusia dari sudut fitrahnya untuk beribadat dan berbakti, sedangkan pemikiran Barat cenderung untuk memfokuskan kepada hak dan kepentingan diri sendiri.</p>	17
<p>Tujuan hidup untuk pengabdian ini jelas sebagaimana firman Allah dalam surah al-Dzariyat ayat 56:</p> <p>وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦</p> <p><i>“Tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk beribadah kepada-Ku.”</i></p>	18



<p>Dewasa kini, cabaran kita adalah untuk mendepani pemikiran yang semakin meruncing. Kefahaman dan kebebasan dalam ruang lingkup Hak asasi manusia itu semakin mencabar. Islam tidak sekali-kali menolak hak dan tanggungjawab hak asasi namun jangan sekali-kali ianya membawa kepada kemudaratan hidup. Dalam konteks kebebasan yang diperjuangkan oleh sesetengah pihak adalah sama sekali tidak diterima, sekiranya ia bertentangan dengan Maqasid Syariah. Apa gunanya bebas melakukan zina, bebas melakukan kemaksiatan semata-mata atas hak asasi individu yang bertentangan dengan agama.</p>	19
<p>Begitu juga sesetengah golongan menjadikan akal semata-mata untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu, seperti gerakan kebebasan beragama, berkempen supaya tindakan murtad oleh orang Islam diiktiraf sebagai 'hak kebebasan', selain membiarkan ajaran Islam ditafsir sesuka hati oleh mereka yang bukan ahlinya semata-mata hak asasi manusia. Amat malang sekali jika pemikiran sebegini menjadi teras dalam masyarakat. Sudah sampai masanya kita bersama-sama mengekang pemikiran sedemikian demi kemaslahatan ummah.</p>	20
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Perjuangan Hak Asasi Manusia ini haruslah difahami dengan jelas dan tidak sekali-kali mengundang kepada permasalahan. Umat Islam dalam negara ini tidak harus ditanamkan dengan elemen dan doktrin yang mengelirukan yang akhirnya membawa kepada masalah berpanjangan. Institusi berkepentingan dalam negara seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) seharusnya mengambil lebih inisiatif untuk menjelaskan dengan tepat kefahaman ini kepada masyarakat disamping institusi Islam seperti agensi-agensi agama yang berkepentingan. Jika kefahaman ini dapat diterapkan dalam masyarakat maka kesedaran dan kefahaman tentang hak asasi manusia akan menjadikan masyarakat lebih jelas dan tidak menimbulkan konflik berterusan. Ini menunjukkan Islam itu telah membawa kebenaran dan amat sesuai dalam segenap aspek kehidupan.</p>	21



<p>Mengakhiri khutbah kali ini, marilah kita sama-sama mengambil iktibar dan pengajaran penting untuk dijadikan pedoman dalam hidup ini antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Islam telah meletakkan hak asasi manusia yang tinggi berpaksikan kepada tauhid dan keyakinan kepada Allah SWT.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa erti kebebasan tidak mutlak dan ia terikat dengan peraturan-peraturan Allah SWT.</li><li>3. Umat Islam hendaklah menghayati konsep kebebasan dan hak asasi manusia mengikut perspektif Islam, dan jangan terpesong daripada nilai kemanusiaan sebenar.</li></ol>	22
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ١٠</p>	23
<p><i>“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam ugama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Furqan : 74).</i></p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.





<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15